



RUSLAN MOHD IMAM

LATAR BELAKANG

Beliau mula terlibat dalam seni Muzik sejak di bangku sekolah rendah lagi. Selepas beliau menamatkan pelajaran di sekolah menengah, beliau telah mula menubuhkan dan mengetuai beberapa kumpulan muzik yang banyak terlibat dengan persembahan muzik dalam dan luar pentas.

Setelah beliau menimba pengalaman ketika zaman remajanya, beliau mula menukar haluan aliran muziknya dengan berkhidmat bersama orkestra Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai pemain gitar bass pada tahun 1980.

Di RTM, beliau tidak hanya bertugas sebagai pemuzik orkestra malah di sini bermulanya beliau menaruh minat untuk menimba ilmu dalam komposisi dan gubahan lagu sehingga beliau berjaya menjadi Penggubah Lagu Dalaman bagi kebanyakan lagu di siaran radio dan TV Malaysia ketika itu.

Pada tahun 1990, beliau telah dilantik sebagai Pemimpin Orkestra RTM dan setelah 15 tahun menceburi dan memperoleh pengalaman di dalam persembahan dan gubahan lagu, beliau telah menukar haluan sekali lagi ke bidang Pendidikan Muzik.

Pada awal tahun 2000, beliau mula berkhidmat sebagai Pensyarah Sambilan di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA dalam subjek

Teori Moden dan Alat Muzik Gitar Bass Elektrik. Kini, beliau menjadi Pensyarah dan Ketua Program Komposisi di Fakulti Muzik ASWARA bagi subjek Teori Muzik serta menjadi Penyelia Persembahan bagi pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.